



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 60/2025

SIMPOSIUM KEMAHIRAN ILKBS TAHUN 2025 (SKIL'25) MENGANGKAT INTEGRITI MELALUI NILAI MADANI

5 OGOS 2025

1. YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah merasmikan Simposium Kemahiran ILKBS Tahun 2025 (SKIL'25) hari ini. SKIL '25 menghimpunkan lebih 500 pengajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) serta wakil institusi TVET dari seluruh negara di Dewan Seri Cempaka, Majlis Perbandaran Kajang @ Saujana Impian, Selangor.
2. Bertemakan "TVET Berintegriti Menjulung Nilai MADANI", SKIL'25 bukan sekadar platform perkongsian ilmu dan kepakaran, malah menjadi komitmen berterusan Kementerian untuk memperkukuh peranan pengajar TVET. Pengajar TVET merupakan profesional yang bukan sahaja mahir, malah diyakini dan dihormati oleh masyarakat – khususnya dalam membentuk generasi muda yang seimbang dari segi sahsiah dan kemahiran seperti digariskan dalam Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030).
3. Dalam ucapan perasmian, YB Timbalan Menteri menekankan bahawa pengajar yang berintegriti merupakan tunjang utama dalam melahirkan tenaga kerja masa depan yang holistik. Beliau menyeru agar para pengajar memainkan peranan yang lebih besar dan bukan sekadar menyampaikan kemahiran teknikal tetapi turut mempamerkan nilai kepimpinan, jati diri dan tanggungjawab sosial kepada belia.

4. Pelaksanaan SKIL'25 tahun ini turut menzahirkan aspirasi Malaysia MADANI melalui penghayatan nilai teras Daya Cipta dan Keyakinan serta menekankan usaha membina keupayaan pengajar yang berintegriti dan progresif di samping memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap sistem TVET sebagai landasan utama pembangunan modal insan negara.

5. KBS komited untuk terus memperkasa ekosistem TVET negara agar lebih inklusif, responsif dan berteraskan nilai-nilai kemanusiaan selari dengan aspirasi TVET MADANI yang mendahulukan belia, menjulang nilai dan berorientasikan masa depan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

